No. Ruj.: KKDW.100-2/1/6

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

**SIARAN MEDIA**

## PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SARAWAK

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) komited dalam memastikan infrastruktur asas luar bandar Sarawak terutamanya berkaitan bekalan air luar bandar terus diperkasa. Ini adalah susulan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 17 Mac 2026 yang bersetuju untuk menyerahkan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan.

Langkah ini diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan projek melalui pemerkasaan peranan Kerajaan Negeri Sarawak, demi memastikan manfaat dapat disampaikan kepada masyarakat luar bandar secara lebih pantas dan berimpak tinggi. Sebanyak 80 projek baharu dan sambungan di bawah Program BALB Negeri Sarawak telah diluluskan kepada KKDW untuk dilaksanakan dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM3.47 bilion dan peruntukan berjumlah RM141.87 juta di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Tahun 2026.

Mesyuarat penyelarasan yang diadakan pada hari ini dan dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah adalah untuk menyelaraskan tindakan yang perlu antara KKDW dan agensi pusat dengan Kerajaan Sarawak bagi memastikan penyerahan projek BALB berjalan dengan lancar. Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan pihak Kementerian untuk menerajui pembangunan luar bandar seterusnya meningkatkan kualiti hidup komuniti di Sarawak melalui penyediaan infrastruktur asas yang lebih kukuh.

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
**14 April 2026**

MALAYSIA MADANI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my